

# KONSEP 'ISMAH NABI MUHAMMAD (S.A.W) DALAM AL-QUR'AN

oleh  
Wan Z. Kamaruddin bin Wan Ali.

## Abstract

*This article aims to discuss the concept of 'ismah (immunity from sin) of the prophets and messengers from the viewpoint of the Qur'an. Emphasis is given to the views of the theologians from different streams of thought with regard to the above concept and evidences of the 'ismah of the prophets. Particular attention is also paid to the interpretation of 'ismah of the Holy Prophet Muhammad (p.b.u.h).*

## Introduksi

Konsep 'Ismah merupakan suatu konsep yang penting di dalam Islam kerana ia boleh menentukan kedudukan seseorang individu dalam sesebuah masyarakat. Dari sudut al-Qur'an, manusia diperlihatkan sebagai makhluk yang lemah meliputi mental dan fizikal:<sup>1</sup> "Allah hendak memberikan keringanan kepadamu dan manusia dijadikan bersifat lemah."Kelemahan pada diri manusia adalah disebabkan kecenderungan mereka menuruti hawa nafsu dan sering pula dilanda keresahan dan kedukacitaan.<sup>2</sup> Justeru itu, mereka perlu bergantung kepada orang yang *ma'sum* untuk mengatur kehidupan mereka.

Kepentingan konsep 'Ismah kepada para nabi dan rasul adalah selaras dengan keperluan manusia kepada mereka sebagai pemberi petunjuk dan teladan, di samping menjadi bukti kebenaran mereka daripada Allah (s.w.t).

## Pengertian 'Ismah

Dari segi bahasa, 'Ismah bermaksud terpelihara.<sup>3</sup> Dari segi istilah, ia bermaksud rahmat Allah yang khusus dikurniakan kepada seseorang untuk membolehkannya menghindarkan diri daripada dosa dan salah dengan usaha dan

---

<sup>1</sup> Al-Qur'an, surah al-Nisa' (4): 28.

<sup>2</sup> Al-Tabarsi, *Majma' al-Bayan*, III, h.36.

<sup>3</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, XII, h.404; Fairuzabadi, *Tartib al-Qamus al-Muhit*, III, h.211.

ikhtiar sendiri. Mereka digelar *ma'sumun* (orang-orang yang terpelihara daripada dosa dan kesalahan).

Rahmat Allah yang khusus ini tidak menjadikan orang yang *ma'sum* itu tidak berkuasa melakukan dosa dan salah. Mereka mengelakkan dirinya daripada dosa dan salah dengan kuasa dan kehendak sendiri. Walaupun orang yang *ma'sum* itu (nabi atau rasul) mempunyai keupayaan untuk melakukan dosa tetapi mereka tidak pernah membayangkan untuk melakukannya kerana perbuatan tersebut di luar daripada kehormatannya untuk melakukan dosa dan maksiat.

Berikut adalah beberapa pandangan secara umum daripada aliran-aliran pemikiran (*madhhab*) dalam Islam.

Menurut madhhab Khawarij, mereka berpendapat nabi tidak *ma'sum* daripada kedua-dua dosa besar dan dosa kecil, sama ada sebelum mereka menjadi nabi mahupun selepasnya.<sup>4</sup> Secara umumnya, mereka bukan sahaja mengharuskan para nabi mengerjakan dosa besar dan dosa kecil bahkan juga kufur.<sup>5</sup>

Menurut Syi'ah Imamiyyah Ithna-'Asyariah, semua nabi, rasul dan imam terdiri daripada orang-orang yang *ma'sumun*, tidak mengerjakan sebarang perbuatan dosa sama ada kecil atau besar, sengaja atau tidak sengaja dari mula hinggalah ke akhir hayat mereka.<sup>6</sup>

Menurut madhhab Mu'tazilah, mereka berpendapat Allah tidak harus mengutuskan seorang nabi yang mengingkari perintah-Nya dan berdosa besar. Begitu juga, mereka tidak boleh terdiri daripada seorang yang kafir dan *fasiq*.<sup>7</sup> Mereka hanya menetapkan kemaksuman nabi dan rasul dalam tiga aspek iaitu kepercayaan (*i'tiqad*), penyampaian (*tabligh*) dan fatwa (*fatawa*) tidak termasuk perbuatan (*fi'l*).

Menurut madhhab Murji'ah pula, pendapat-pendapat mereka boleh dibahagikan kepada dua kumpulan.

**Pertama** : Kumpulan yang mengharuskan dosa besar kepada nabi dan rasul. Kedua: Kumpulan yang hanya menekankan perbuatan dosa dan salah tersebut tergolong dalam dosa-dosa kecil sahaja.<sup>8</sup> Selain itu, ada pula yang mengatakan para nabi melakukan dosa dan salah terhadap Allah meliputi dosa dengan

---

<sup>4</sup> Al-Bazdawi, *Usul al-Din*, h.167.

<sup>5</sup> Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, VII, h.9; al-Naysaburi, *Ghara'ib al-Qur'an*, I, h.277.

<sup>6</sup> Al-Saduq, *I'tiqadat al-Imamiyyah*, h.87.

<sup>7</sup> Al-Asy'ari, *Maqalat al-Islamiyyin*, I, h.296.

<sup>8</sup> *Ibid.* I, h.231.

sengaja,<sup>9</sup> melainkan berdusta dalam masa menyampaikan perintah Allah (*tabligh*).<sup>10</sup>

Bagi golongan Hasyawiyyah (*Ahl al-Hadith*), mereka berpendapat dari aspek perbuatan (*fi'l*) nabi boleh melakukan dosa besar dengan sengaja.<sup>11</sup> Sebahagian yang lain tidak berpendapat demikian dalam masalah tersebut dan mereka menafikan para nabi melakukannya dengan sengaja. Sebaliknya, mereka mengambil sikap mengharuskannya di atas alasan tersalah.<sup>12</sup>

Menurut madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (*Sunni*) pula, mereka mengakui para nabi tidak boleh berbohong, sengaja atau tersalah, tidak boleh kafir sama ada sebelum atau sesudah menjadi nabi atau rasul.<sup>13</sup> Mengenai dosa-dosa lain, terdapat beberapa pendapat. Kebanyakannya mengatakan para nabi tidak melakukan dosa secara sengaja.

Berhubung dengan dosa besar secara tidak sengaja, majoriti berpendapat mereka (nabi) boleh melakukannya sedangkan minoriti mengatakan sebaliknya. Mengenai dosa kecil pula, para nabi boleh melakukannya walaupun mereka tidak boleh melakukan dosa-dosa kecil yang boleh merendahkan kedudukan mereka pada pandangan mata masyarakat seperti mencuri dan lain-lain. Di kalangan ulama Sunni yang mengakui 'ismah para nabi dan rasul secara menyeluruh ialah Qadi 'Iyad,<sup>14</sup> al-Subki,<sup>15</sup> al-Isfara'ini dan al-Syahrastani.<sup>16</sup>

### Matlamat 'Ismah

Terdapat beberapa hujah atau alasan untuk mempercayai kemaksuman para nabi dan rasul. Alasan terpentingnya adalah kerana Allah mengutuskan mereka untuk memimpin kaumnya ke jalan yang benar. Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya nabi tidak *ma'sum*. Gagasan al-Qur'an membuktikannya:

**Pertama** : "dan Kami tidak mengutuskan seseorang rasul melainkan untuk ditaati dengan keizinan Allah."<sup>17</sup> Di dalam al-Qur'an, persoalan ketaatan kepada Allah

---

<sup>9</sup> Ibn Hazm, *al-Fisal*, IV, h.2.

<sup>10</sup> Al-Hilli, *Nahj al-Haq*, h.142.

<sup>11</sup> Al-Naysaburi, *Ghara'ib al-Qur'an*, I, h.278.

<sup>12</sup> Al-Hilli, *al-Bab al-Hadi 'Asyar*, h.58-59.

<sup>13</sup> Ibn Abi Al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, VII, h.20.

<sup>14</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.230-405.

<sup>15</sup> Al-Subki, *al-Tabaqat al-Syafi'iyah al-Kubra*, II, h.268.

<sup>16</sup> Al-Sya'rani, *al-Yawaqit*, II, h.2.

<sup>17</sup> Al-Qur'an, surah al-Nisa' (4): 64; Lihat sama: Surah Taha (20): 90; Ali 'Imran (3): 50.

dan para rasul-Nya begitu ditekankan. Al-Qur'an menggunakan rangkaian kata "taatlah Allah dan rasul" sebanyak dua belas (12) kali dan dalam bentuk lain dengan maksud tersebut sebanyak sebelas (11) kali. Justeru itu, ia menunjukkan bahawa sebagai pengikut, manusia tidak diperintah untuk meneliti dan menentukan perbuatan atau perkataan nabi yang perlu diikuti atau ditinggalkan.<sup>18</sup> Para nabi dan rasul diutuskan untuk ditaati dan dituruti, dan bukanlah menjadi tugas para pengikutnya untuk memeriksa dan menentukan mana yang perlu diikuti ataupun sebaliknya. Perkara ini hanya boleh dibenarkan sekiranya para nabi dan rasul itu *ma'sumun*.

**Kedua :** Allah memerintahkan manusia mentaati para nabi. "Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah rasul."<sup>19</sup> Banyak ayat yang menekankan ketaatan seperti ini. "Barang siapa mentaati rasul bererti mentaati Allah."<sup>20</sup> Ketaatan kepada Allah dalam al-Qur'an diceritakan seiring dengan ketaatan kepada rasul atau nabi.

Perkara tersebut tidak mungkin ditekankan sekiranya nabi atau rasul tidak *ma'sum*. Bayangkanlah bagaimana perkara yang mustahil ini seandainya terjadi. Para pengikut yang jahat akan dicela atau dilaknat oleh Allah. Sekiranya mereka mentaati nabi dan melakukan perbuatan dosa itu, mereka tidak menghormati perintah Allah dan dengan itu juga mereka akan dicela.

Kalau sebaliknya, mereka tidak mentaati rasul, sekali lagi mereka tidak mematuhi perintah Allah (yang menyuruh manusia mentaati rasul). Jadi, jelaslah menunjukkan bahawa nabi yang tidak *ma'sum* tidak membawa apa-apa tetapi hanya memalukan dan mendatangkan kutukan kepadanya.

**Ketiga :** Sehubungan dengan ayat-ayat tadi, lihatlah ayat-ayat lain yang berkait rapat dengannya.

- a. "Dan jika kamu menuruti kebanyakan orang yang di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah."<sup>21</sup>
- b. "dan janganlah kamu mengikuti orang yang hatinya telah Kami lalaikan dari mengingati Kami, serta menuruti hawa nafsunya."<sup>22</sup>
- c. "maka janganlah kamu mengikuti orang-orang kafir."<sup>23</sup>

---

<sup>18</sup> 'Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahras*, h.429-430.

<sup>19</sup> Al-Qur'an, surah al-Nisa' (4): 59.

<sup>20</sup> Al-Qur'an, surah al-Anfal (8): 80.

<sup>21</sup> Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 116.

<sup>22</sup> Al-Qur'an, surah al-Kahfi (18): 28.

<sup>23</sup> Al-Qur'an, surah al-Furqan (25): 52.

- d. "dan janganlah kamu menuruti (keinginan) orang-orang kafir dan orang-orang munafiq."<sup>24</sup>
- e. "maka janganlah kamu ikuti orang-orang yang mendustakan (ayat-ayat Allah)."<sup>25</sup>
- f. "dan janganlah kamu ikuti setiap orang yang banyak bersumpah lagi hina."<sup>26</sup>
- g. "dan janganlah kamu ikuti orang yang berdosa dan orang yang kafir di antara mereka."<sup>27</sup>

Jelaslah kini, nabi adalah untuk ditaati manakala orang yang berdosa (zalim) tidak boleh ditaati. Kesimpulannya, nabi bukanlah orang yang berbuat dosa dan salah.

**Keempat** : Doa Nabi Ibrahim (a.s) dan jawapan Allah (s.w.t). Allah berfirman: "Dan (ingatlah) ketika Ibrahim diuji Tuhannya dengan beberapa kalimat (perintah dan larangan), lalu Ibrahim menunaikannya. Allah berfirman: Sesungguhnya Aku akan menjadikanmu *Imam* bagi seluruh manusia. Ibrahim berkata: (Dan saya mohon juga) dari keturunanku. Allah berfirman: Janji-Ku ini tidak mengenai orang yang zalim."<sup>28</sup> Ini menunjukkan Allah tidak memilih orang yang berdosa sebagai *Imam*.

#### **Kedudukan ayat-ayat al-Qur'an**

Terdapat banyak ayat al-Qur'an menegaskan bahawa nabi-nabi seperti Nabi Adam (a.s) dan lain-lain melakukan perbuatan dosa dan salah. Bagaimanapun, al-Qur'an sendiri menjelaskan kedudukan ayat-ayat yang terkandung di dalamnya adalah terbahagi kepada dua(2) bahagian:

- Pertama : Ayat-ayat Muhkamat.
- Kedua : Ayat-ayat *Mutasyabihat*.

Allah (s.w.t) telah menjelaskan di dalam kitab al-Qur'an-Nya bahawa interpretasi atau tafsiran sebenar ayat-ayat *Mutasyabihat* itu hanya diketahui oleh

---

<sup>24</sup> Al-Qur'an, surah al-Ahzab (33): 1.

<sup>25</sup> Al-Qur'an, surah al-Qalam (68): 8.

<sup>26</sup> Al-Qur'an, surah al-Qalam (68): 10.

<sup>27</sup> Al-Qur'an, surah al-Insan (76): 24.

<sup>28</sup> Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 124.

Allah dan orang-orang yang diberikan pengetahuan oleh Allah tentang perkara tersebut.<sup>29</sup>

Langkah pertama adalah menentukan ayat-ayat *Muhkamat* dan ayat-ayat *Mutasyabihat* yang mesti diberikan maksud menurut ayat-ayat yang jelas dengan petunjuk daripada nabi. Dengan itu, dapatlah kita membersihkan aqidah daripada sebarang pertikaian.

Secara keseluruhannya dapatlah dibuat kesimpulan seperti berikut:

**Pertama** : Hujah-hujah terdahulu membuktikan nabi wajib bersifat *ma'sum*.

**Kedua** : Banyak ayat al-Qur'an yang menyokong hujah-hujah di atas.

**Ketiga** : Namun demikian, terdapat juga sesetengah ayat al-Qur'an menyifatkan dosa dan salah kepada sesetengah nabi.

Justeru itu, bagaimanakah tindakan yang boleh dilakukan untuk membuktikan kemaksuman nabi dan rasul. Syariah dan amalan yang telah disepakati sejak dahulu menuntut manusia menerima hujah-hujah akal yang disokong dengan hujah-hujah al-Qur'an yang terang sebagai ayat-ayat *Muhkamat*.

Dengan itu, ayat-ayat lain (yang menunjukkan mereka berdosa) harus dicari kebenaran dan kesahihan tafsirannya menurut gaya bahasa dan nahu Arab seperti yang diajarkan oleh Nabi (s.a.w).

#### '*Ismah* Nabi Muhammad (s. 'a.w)

Menerusi al-Qur'an, terdapat banyak ayat yang membuktikan kemaksuman Nabi Muhammad (s.a.w) daripada dosa dan kesalahan. Di sini diperturunkan sebahagian daripada ayat-ayat tersebut:

**Pertama** : "Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa daripada kamu, *Ahl al-Bayt* dan membersihkan kamu dengan sebersih-bersihnya."<sup>30</sup>

Ayat di atas telah membuktikan kebersihan dan kesucian *Ahl al-Bayt* Nabi Muhammad (s.a.w) dari sebarang dosa, kesalahan dan kecacatcelean dengan begitu jelas. Penyucian ke atas mereka bukannya dilakukan oleh manusia, tetapi oleh Allah (s.w.t) sendiri. Seandainya kaum kerabat Nabi Muhammad iaitu *Ahl al-Bayt* dibersihkan dengan sesuci-sucinya, tentulah Nabi (s.a.w) yang termasuk dalam pengertian *Ahl al-Bayt* juga dibersihkan daripada perbuatan yang tercela. Kalaulah sebaliknya, tentulah kedudukan Nabi (s.a.w) lebih rendah daripada mereka dan tentulah perkara tersebut mustahil berlaku.

<sup>29</sup> Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 7.

<sup>30</sup> Al-Qur'an, surah al-Ahzab (33): 33; Muslim, *Sahih*, IV, h.1883.

Ibn Kathir telah menyebutkan beberapa buah hadith mengenai *Ahl al-Bayt* yang mengandungi permohonan Rasulullah kepada Allah (s.w.t) supaya mereka dibersihkan daripada dosa dan kekotoran.<sup>31</sup> Ini menunjukkan bahawa Nabi (s.a.w) juga suci dan *ma'sum* (terpelihara daripada dosa dan kesalahan).

**Kedua** : "Apa yang diberikan kepadamu, maka terimalah dia dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah dia."<sup>32</sup>

Ayat tersebut menunjukkan perintah dan larangan Nabi (s.a.w) sentiasa diperkenankan oleh Allah. Bersesuaian dengan firman Allah: "Taatilah Allah dan rasul-Nya, dan jika kamu berpaling maka sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang kafir."<sup>33</sup>

Kedua-dua ayat di atas saling lengkap melengkapi di antara satu dengan yang lain kerana Nabi (s.a.w) ditugaskan menyampaikan perintah dan larangan Allah, manakala tugas pengikut pula mentaati perintah dan larangan Allah menerusi Nabi (s.a.w). Oleh itu, seseorang itu akan mendapat keyakinan dan kepercayaan yang sepenuhnya dengan mematuhi perintah daripada seorang yang *ma'sum*, jika dibandingkan dengan bukan *ma'sum*.

**Ketiga** : "Katakanlah: jika kamu benar-benar mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu."<sup>34</sup> Al-Qur'an menjelaskan bahawa kecintaan kepada Allah adalah bergantung kepada kecintaan dan ketaatan mereka kepada Nabi (s.a.w). Kedua-dua cinta terangkum secara serentak dalam ayat tersebut.

Sekiranya seseorang itu mencintai Allah, sewajarnya dia menuruti Nabi kerana dengan melakukan perbuatan sedemikian, Allah akan mencintai mereka. Tentulah perkara-perkara seumpama ini tidak berlaku, seandainya Nabi tidak *ma'sum* daripada keburukan dan kecelakaan.

**Keempat** : Kemaksuman Nabi (s.a.w) tidak terbatas kepada perbuatan semata-mata, malahan kata-kata baginda juga turut termasuk dalam himpunan perintah Allah. Allah berfirman: "Tiadalah yang diucapkannya itu (al-Qur'an), menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya."<sup>35</sup>

---

<sup>31</sup> Ibn Kathir, *Tafsir*, III, h.486.

<sup>32</sup> Al-Qur'an, surah al-Hasyr (59): 7.

<sup>33</sup> Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 32.

<sup>34</sup> Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 31.

<sup>35</sup> Al-Qur'an, surah al-Najm (53): 3-4

Dalam usaha baginda menyampaikan perintah Allah, segala-galanya adalah berpandukan wahyu, tanpa sebarang penambahan mahupun pengurangan. Bertepatan dengan sabda baginda sendiri: "Tuliskanlah, demi Allah yang diriku di tangan-Nya, tiada sesuatu yang ada pada diriku melainkan kebenaran."<sup>36</sup>

**Kelima** : "Dialah yang mengutuskan kepada kaum *ummiyyin* seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan kepada mereka kitab dan hikmah."<sup>37</sup>

Nabi (s.a.w) merupakan seorang nabi dan rasul yang suci, bersih dan *ma'sum*. Justeru itu, baginda diutuskan oleh Allah untuk menyucikan orang lain daripada perbuatan dosa dan kesalahan. Begitu juga dalam persoalan mengajarkan orang lain tentang kitab dan hikmah. Seandainya baginda sendiri tidak boleh menentukan kebenaran dan kebatilan, dan tidak mampu menghindarkan diri daripada perkara-perkara batil setelah baginda mengetahuinya, tentulah baginda tidak dibenarkan berbuat demikian kepada manusia lain.

Ini bererti Nabi (s.a.w) memahami perintah dan larangan Allah. Lantaran itu, baginda berusaha membersihkan dan memelihara umat manusia serta mengajarkan mereka tentang hikmah. Ini menunjukkan bahawa Nabi (s.a.w) seorang yang *ma'sum*. Nabi (s.a.w) tentulah tidak layak memikul tugas tersebut sekiranya baginda mengetahui perkara-perkara yang tidak dikehendaki Allah tetap terus juga melakukannya.

**Keenam** : Penyaksian Allah terhadap akhlak Nabi (s.a.w) yang tinggi dan sempurna. Firman-Nya: "Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang tinggi."<sup>38</sup>

Menurut kebiasaannya, pujian hanya diberikan kepada orang yang benar-benar berhak memperolehinya. Demikian juga pujian Allah ke atas makhluk-Nya. Al-Qur'an membuktikan hakikat kemaksuman Nabi (s.a.w) sehinggakan baginda dipuji oleh *Khaliq*-Nya sendiri. Justeru itu, Nabi (s.a.w) bukanlah seorang yang berdosa dan tidak pula memiliki akhlak yang hina kerana hal tersebut akan menafikan baginda daripada pujian itu.

Walau bagaimanapun, terdapat pula ayat beberapa ayat al-Qur'an mengenai Nabi (s.a.w) yang disalahtafsirkan oleh umat Islam kerana melihat dari sudut zahir ayat, kelihatan Nabi (s.a.w) melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak sesuai dengan kedudukan baginda di sisi Allah secara khusus dan di sisi umat manusia secara umumnya.

---

<sup>36</sup> Ibn Hanbal, *Musnad*, X, h.22.

<sup>37</sup> Al-Qur'an, surah al-Jumu'ah (62): 2.

<sup>38</sup> Al-Qur'an, surah al-Qalam (68): 4.



**Pertama :** “Bukankah Dia mendapatimu sebagai seorang yatim lalu Dia melindungimu. Dan Dia mendapatimu sebagai seorang yang kebingungan (*dallan*) lalu Dia memberikan petunjuk. Dan Dia mendapatimu sebagai seorang yang kekurangan lalu Dia memberikan kecukupan.”<sup>39</sup>

Menerusi ayat yang keenam dari surah tersebut, Nabi (s.a.w) dinyatakan sebagai seorang yang yatim piatu. Bapanya, 'Abdullah wafat sebelum baginda dilahirkan. Ibunya, Aminah pula meninggal dunia semasa usianya enam tahun. Kemudian datuknya menyusul tidak lama selepas itu ketika baginda berusia lapan tahun. Akhirnya baginda dijaga di bawah asuhan dan kasih sayang bapa saudaranya, Abu Talib.<sup>40</sup>

Di dalam semua keadaan yang dinyatakan tadi, Nabi (s.a.w) menerima asuhan dan kasih sayang lebih dari yang patut diberikan oleh seorang ayat. Justeru itu, ayat tadi memperingatkan baginda tentang kemurahan Allah yang melimpahkan rahmah ke atasnya di rumah kedua-dua bapa saudara dan datuknya, Abu Talib dan 'Abd al-Muttalib.

Ayat kelapan pula menjelaskan Nabi (s.a.w) seorang yang miskin, tetapi setelah berkahwin dengan Khadijah, ketulusan cinta Khadijah bukan hanya melebihi daripada yang sepatutnya malahan telah menjadikan baginda bebas dari sebarang keperluan duniawi pada hari-hari seterusnya. Ini menggambarkan peringatan Allah terhadap baginda tentang kemurahan-Nya menerusi diri Khadijah.<sup>41</sup>

Di antara kedua-dua sifat kemurahan Allah tadi, Allah telah mengingatkan Nabi tentang kedudukannya yang tidak mengetahui (*dall*) dan Allah memberikan petunjuk kepadanya. Perkataan *dall* dengan maksud tidak mengetahui<sup>42</sup> adalah berdasarkan dalil al-Qur'an: “Kamu tidak mengetahui apakah itu *al-kitab* dan tidak juga mengetahui tentang *Iman*.”<sup>43</sup>

Pengertian lain yang hampir dengan maksud *dall* adalah terlupa (*al-dhihab min al-'ilm*) berpandukan ayat al-Qur'an: “supaya jika seorang lupa (*'an tadilla ihda-huma*) maka seorang lagi mengingatkannya.”<sup>44</sup> Ibn 'Abbas menjelaskan bahawa perbuatan tidak mengetahui (*dalalah*) dalam ayat tersebut tidak

<sup>39</sup> Al-Qur'an, surah al-Duha (93): 6-8.

<sup>40</sup> Al-Zamakhshari, *al-Kasysyaf*, IV, h.220.

<sup>41</sup> Al-Tabataba'i, *al-Mizan*, XX, h.444.

<sup>42</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.266.

<sup>43</sup> Al-Qur'an, surah al-Syura (42): 52.

<sup>44</sup> Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 282.

mengandung pengertian maksiat.<sup>45</sup> Seandainya perkataan *dall* bermaksud sesat, ia tidak bererti Nabi (s.a.w) telah tersesat dari kebenaran. Ayat ini boleh ditafsirkan dengan pengertian "hilang dari kalangan umatmu." Menurut al-Rida (r.a), pengertian tersebut boleh ditujukan kepada Nabi (s.a.w) kerana penduduk Makkah pada waktu itu tidak mengetahui kedudukan baginda yang sebenarnya. Oleh kerana itu, Allah memberikan petunjuk dan mengemukakan bukti-bukti berkenaan diri Nabi (s.a.w) kepada mereka.<sup>46</sup> Pengertian tersebut bukan sahaja selari dengan logik akal bahkan juga menepati ayat al-Qur'an: "kawanmu (Muhammad) tidak sesat (*dalla*) dan tidak pula keliru (*ghawa*)."<sup>47</sup>

**Kedua :** "Kami tidak mengutuskan sebelum kamu seorang rasul dan tidak pula seorang nabi, melainkan apabila dia mempunyai sesuatu keinginan (*tamanna*), syaitan pun memasukkan godaan-godaan terhadap keinginan itu. Allah menghilangkan apa yang dimasukkan oleh syaitan itu dan Allah menguatkan ayat-ayat-Nya."<sup>48</sup>

Dari perspektif bahasa, perkataan *tamanna* bermaksud mentakdirkan sesuatu perkara dan membayangkan gambarannya.<sup>49</sup> Walau bagaimanapun, perkataan *al-tamanna* menunjukkan bahawa ia menyentuh perkara-perkara yang tidak wujud (*ma la haqiqat la-hu*).<sup>50</sup> Kebanyakan ulama menjelaskan perkataan *al-tamanna* bermaksud *al-tilawah*<sup>51</sup> manakala al-Murtada menambahkan pengertian *tamanna al-qalb*.<sup>52</sup> Sekiranya perkataan itu diertikan sebagai bacaan (*al-tilawah*), ia bermaksud orang yang diutuskan sebelum kamu dari kalangan rasul apabila dia membacakan apa yang disampaikan kepada umatnya, mereka meminda dan memalsukannya dan kemudian mendakwa itu adalah bacaan nabi yang mengandungi pujian terhadap tuhan-tuhan mereka, sedangkan pada hakikatnya perkara tersebut tidak pernah terjadi.<sup>53</sup>

Jikalau perkataan *al-tamanna* dirujuk dengan pengertian keinginan hati (*tamanna al-qalb*), ia bermaksud apabila rasul mempunyai keinginan dalam

---

<sup>45</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.264.

<sup>46</sup> Al-Tabarsi, *Majma' al-Bayan*, X, h.505-506.

<sup>47</sup> Al-Qur'an, surah al-Najm (53): 2.

<sup>48</sup> Al-Qur'an, surah al-Hajj (22): 52.

<sup>49</sup> Al-Raghib, *al-Mufradat*, h.475-476.

<sup>50</sup> *Ibid*, h.475.

<sup>51</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.281; al-Qurtubi, *Ahkam al-Qur'an*, VII, h.4471.

<sup>52</sup> Al-Syarif al-Murtada, *Tanzih al-Anbiya'*, h.152.

<sup>53</sup> Al-Tabarsi, *Majma' al-Bayan*, VII, h.91.

hatinya tentang sesuatu perkara yang dicita-citakannya, syaitan lalu membisikkan hal-hal yang batil dan menyerunya ke arah itu. Lantaran itu, Allah menghapuskannya.<sup>54</sup>

Terdapat beberapa pendapat berhubung dengan peristiwa yang dikenali sebagai *al-Gharaniq al-Ula*. Qadi 'Iyad mengatakan peristiwa yang menyebutkan Nabi (s.a.w) membaca surah al-Najm di Makkah, kemudian orang-orang Islam, golongan musyrik, jin dan manusia sujud bersama-samanya adalah ditolak dari sudut al-Qur'an. Tambahan lagi kemaksuman Nabi dari perbuatan kufur dengan sengaja mahupun tersalah telah terbukti menerusi *ijma'* dan dalil-dalil lain.<sup>55</sup>

Puak al-Karramiyyah dan al-Hasyawiyyah mengatakan Nabi (s.a.w) telah melakukan kesalahan semasa menyampaikan perintah Allah kerana mereka berhujah berdasarkan dalil tersebut. Kemudian, ada pula para ulama selain mereka berpendapat Nabi (s.a.w) harus melakukan kesalahan dalam perkara-perkara yang tidak didapati hujah yang kuat semasa mereka menyampaikan perintah Allah.<sup>56</sup>

Peristiwa al-Gharaniq yang dicatatkan oleh para ulama ini berkaitrapat dengan hadith-hadith yang menunjukkan bahawa Nabi(s.a.w) dikatakan telah menambahkan perkataan *tilka al-gharaniq al-ula wa inna syafa'ata-hunna la-turtaja*.<sup>57</sup> Hadith-hadith tersebut telah pun dibahaskan dan kebanyakan ulama mempertikaikan kesahihannya kerana ia bercanggah dengan dalil-dalil al-Qur'an dan akal.

Di kalangan ulama Mu'tazilah, mereka berselisih pendapat mengenai hadith-hadith itu. Sebahagian menolak hadith tersebut dan mencela para perawinya, manakala sebahagian yang lain pula mengatakan ia bukanlah bacaan yang diturunkan tetapi percakapan Nabi (s.a.w) kepada diri baginda di atas alasan mengingkari perbuatan kaum Quraisy.<sup>58</sup>

Kebanyakan ulama termasuklah Qadi 'Iyad,<sup>59</sup> Ibn 'Atiyyah,<sup>60</sup> al-Zamakhshari,<sup>61</sup> al-Razi,<sup>62</sup> al-Khazin,<sup>63</sup> Ibn Kathir,<sup>64</sup> Haykal<sup>65</sup> dan lain-lain menolak hadith-hadith tersebut dan menganggapnya tidak berasas sama sekali.<sup>66</sup>

---

<sup>54</sup> *Ibid*, VII, h.91

<sup>55</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, 292-293.

<sup>56</sup> Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, VII, h.18.

<sup>57</sup> Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, IV, h.366.

<sup>58</sup> Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, VII, h.20.

<sup>59</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.288.

<sup>60</sup> Abu Hayyan, *al-Bahr al-Muhit*, VI, h.381.

<sup>61</sup> Al-Zamakhshari, *al-Kasysyaf*, III, h.37.

Para ulama yang menolak hadith-hadith yang membenarkan celaan ke atas Nabi (s.a.w) mengatakan tidak mungkin dapat dibenarkan hadith-hadith *ahad* ke atas orang yang dinyatakan dalam al-Qur'an.<sup>67</sup> "Demikianlah supaya Kami perkuatkan hatimu dengannya,"<sup>68</sup> "Kami akan membacakan (al-Qur'an) kepadamu (Muhammad) maka kamu tidak akan lupa,"<sup>69</sup> dan "seandainya dia (Muhammad) mengada-adakan sebahagian perkataan atas nama Kami, nescaya benar-benar Kami pegang dia pada tangan kanannya kemudian benar-benar Kami potong urat tali jantungnya."<sup>70</sup>

Haykal menjelaskan bahawa hadith-hadith tentang peristiwa itu diciptakan oleh golongan Zindiq (*Zanadiqah*).<sup>71</sup> Beliau juga mengemukakan beberapa hujah untuk menolak hadith-hadith di atas dan di antaranya adalah seperti berikut:

**Pertama :** Riwayat yang mencapai bilangan yang meragukan menunjukkan ia adalah hadith-hadith palsu (*maudu'*) yang diciptakan oleh golongan *zindiq* bertujuan untuk menimbulkan keraguan tentang kebenaran perutusan Nabi Muhammad (s.a.w). Qadi 'Iyad menunjukkan bahawa Nabi (s.a.w) seorang yang *ma'sum* dari sebarang kecelaan termasuklah keinginan memuji tuhan selain Allah (s.w.t) kerana ia dianggap kufur.<sup>72</sup>

**Kedua :** Konteks surah *al-Najm* tidak pula menyebutkan persoalan *al-Gharaniq*. Penambahan beberapa perkataan selepas ayat *afara'ai-tum al-lata wa al-'uzza wa manata al-thalithata al-ukhra*, menunjukkan bahawa ia penuh dengan kekeliruan dan percanggahan. Ini jelas membuktikan hadith tersebut adalah palsu dan sengaja diada-adakan.<sup>73</sup>

---

<sup>62</sup> Al-Razi, *Mafatih al-Ghayb*, XXIII, h.50.

<sup>63</sup> Al-Khazin, *Bab al-Ta'wil*, III, h.313.

<sup>64</sup> Ibn Kathir, *Tafsir*, III, h.230.

<sup>65</sup> Haykal, *Hayat Muhammad*, h.162..

<sup>66</sup> M.M.Ahsan, "The Satanic Verses and The Orientalists," dlm. *Hamdard Islamicus*, V, h.28.

<sup>67</sup> Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, VII, h.20.

<sup>68</sup> Al-Qur'an, surah al-Furqan (25): 32.

<sup>69</sup> Al-Qur'an, surah al-A'la (87): 6.

<sup>70</sup> Al-Qur'an, surah al-Haqqah (69): 45-47.

<sup>71</sup> Al-Razi, *Mafatih al-Ghayb*, XXIII, h.50; Abu Hayyan, *al-Bahr al-Muhit*, VI, h.382; al-Naysaburi, *Ghara'ib al-Qur'an*, XVII, h.109.

<sup>72</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.293; al-Razi, *Mafatih al-Ghayb*, XXIII, h.50.

<sup>73</sup> Haykal, *Hayat Muhammad*, h.165; bandingkan: Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.294.

**Ketiga :** Hujah dari perspektif bahasa. Muhammad 'Abduh mengatakan dalam syair Arab, mereka tidak menggelarkan tuhan-tuhan mereka dengan perkataan *al-Gharaniq*. Begitu juga dalam pertuturan biasa mereka. Perkataan *gharnuq* dan *gharniq* hanya merupakan nama sejenis burung air yang berwarna hitam atau putih, dan pemuda yang putih dan cantik. Ia tidak berkait langsung dengan maksud tuhan.<sup>74</sup>

**Keempat :** Kebenaran (*sidq*) Nabi Muhammad (s.a.w) berdasarkan kehidupan baginda semasa kecil sehingga dewasa. Baginda dikenali di kalangan kaumnya sebagai seorang yang tidak pernah berdusta sehingga digelar *al-Amin* sebelum usianya 25 tahun. Kebenaran baginda tidak diragukan oleh sesiapa pun jua. Ini menunjukkan peristiwa *al-Gharaniq* mustahil berlaku ke atasnya.

Di samping hujah-hujah di atas, Qadi 'Iyad juga turut mengkritik hadith-hadith tentang *al-Gharaniq* yang secara keseluruhannya menunjukkan ia lemah dan mustahil berlaku ke atas diri Nabi (s.a.w).<sup>75</sup>

**Ketiga :** "Dia bermasam muka (*'abasa*) dan berpaling (*tawalla*) kerana telah datang seorang buta kepadanya."<sup>76</sup>

Menurut persepakatan ulama, ayat di atas diturunkan kepada Ibn Umri Makhtum yang menemui Nabi (s.a.w) ketika baginda sedang bersama-sama dengan beberapa orang pembesar Bani Umaiyyah. Dia meminta baginda mengajarkannya tentang keilmuan Allah tanpa mengetahui baginda sedang melayani tetamu lalu dikatakan Nabi bermasam muka dan berpaling daripadanya.<sup>77</sup>

Al-Murtada mengatakan ayat tersebut pada zahirnya tidak menunjukkan ia dihadapkan kepada Nabi (s.a.w), sebaliknya merupakan suatu penyucian kerana bukan baginda yang menjadi sasaran tetapi orang lain. Ini disebabkan sifat bermasam muka bukanlah salah satu sifat baginda.<sup>78</sup>

Bukti tadi dapat diperkuatkan dengan dalil al-Qur'an: "Sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung,"<sup>79</sup> dan "maka disebabkan rahmat daripada

---

<sup>74</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.294.

<sup>75</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.288-294; al-Qurtubi, *Ahkam al-Qur'an*, VII, h.4473; al-Khazin, *Bab al-Ta'wil*, III, h.314.

<sup>76</sup> Al-Qur'an, surah 'Abasa (80): 1-2.

<sup>77</sup> Al-Qurtubi, *Ahkam al-Qur'an*, X, h.7003.

<sup>78</sup> Al-Tabarsi, *Majma' al-Bayan*, X, h.437.

<sup>79</sup> Al-Qur'an, surah al-Qalam (68): 4.

Allahlah, kamu bersikap lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu.”<sup>80</sup>

Dari aspek penurunan ayat, semua riwayat bersepakat menetapkan surah *al-Qalam* atau *Nun* yang mengandungi pujian terhadap akhlak Nabi (s.a.w) diturunkan selepas surah *al-'Alaq*. Ini menunjukkan bahawa Allah tidak mungkin memuji akhlak Nabi (s.a.w) pada permulaan baginda menjadi nabi tetapi kemudian kembali mencelanya semula.<sup>81</sup>

Al-Razi berpendapat keraguan Nabi (s.a.w) dalam membuat penentuan menyebabkan terjadi peristiwa itu atas dasar meninggalkan perkara yang lebih utama (*tark al-awla*).<sup>82</sup> Qadi 'Iyad sendiri menafikan dosa kepada Nabi (s.a.w) dengan alasan ia hanyalah merupakan pemberitahuan Allah bahawa orang yang datang kepadanya adalah orang yang tidak bersih dan cara yang paling baik dilakukan adalah dengan menerima kedatangannya.<sup>83</sup>

Berdasarkan riwayat Ja'far al-Sadiq (r.a), ayat tersebut diturunkan kepada seorang pembesar Bani Umaiyah yang berada di sisi Nabi (s.a.w). Apabila dia melihat Ibn Ummi Makhtum, perasaan tidak tenteram kelihatan daripada sikap bermasam muka dan berpaling. Dalam riwayat lain pula menyebutkan bahawa Nabi (s.a.w) sentiasa bersikap lembut terhadap Ibn Ummi Makhtum sehingga mendorongnya melarang baginda berbuat demikian terhadapnya.<sup>84</sup>

Al-Qur'an menggunakan berbbagai-bagai bentuk ayat untuk mendidik umat manusia dengan cara yang paling baik dan berkesan. Di antaranya, Allah memberitahu Nabi tetapi sebenarnya ditujukan kepada orang lain supaya mereka mendengarnya, seperti: “Jika kamu (Muhammad) berada dalam keraguan (*syakkin*) tentang apa yang Kami turunkan kepadamu, maka tanyakanlah orang-orang yang membaca kitab sebelum kamu.”<sup>85</sup>

Perkataan *syakkin* (ragu-ragu) dari segi zahir ditujukan kepada Nabi (s.a.w) tetapi pada hakikatnya dihadapkan kepada umatnya. Ini bermaksud “kalau kamu (manusia) ragu-ragu, bertanyalah.” Dalilnya terbukti di akhir surah tersebut dinyatakan: “Katakanlah: Hai manusia, jika kamu masih dalam keraguan (*syakkin*) tentang agamamu, maka ketahuilah aku tidak menyembah yang kamu sembah

<sup>80</sup> Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 159.

<sup>81</sup> Al-Tabataba'i, *al-Mizan*, XX, h.308-309.

<sup>82</sup> Al-Razi, *Mafatih al-Ghayb*, XXXI, h.55.

<sup>83</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.365-366.

<sup>84</sup> Al-Tabarsi, *Majma' al-Bayan*, X, h.437.

<sup>85</sup> Al-Qur'an, surah Yunus (10): 94.

selain Allah.”<sup>86</sup> Bukti tadi menunjukkan Nabi (s.a.w) tidak pernah berada dalam keraguan.

Demikian juga dalam ayat berikut: “Wahai Nabi, apabila kamu menjatuhkan talaq (*tallaq-tum*) ke atas perempuan kamu.”<sup>87</sup> Perkataan *tallaq-tum* disebutkan dalam bentuk *jama'* (bilangan banyak), sedangkan ia ditujukan kepada Nabi (s.a.w) seorang sahaja. Pendapat tersebut dipegang oleh Ibn 'Abbas dan kebanyakan ulama lain.”<sup>88</sup> Qadi 'Iyad juga mengemukakan beberapa buah hadith yang menunjukkan secara keseluruhannya para nabi tidak pernah ragu-ragu kerana ayat-ayat al-Qur'an yang disebutkan ditujukan kepada umat Arab.<sup>89</sup>

Ini menunjukkan Allah menyalahkan secara langsung kepada Nabi (s.a.w) untuk menekankan kepentingan sesuatu perkara, sedangkan sebenarnya ia tidak melibatkan diri baginda sama sekali.

Seterusnya, dalam ayat berikut: “Tidak patut bagi seorang nabi mempunyai tawanan sebelum ia dapat melumpuhkan musuhnya di muka bumi, kamu menghendaki harta benda duniawi sedangkan Allah menghendaki akhirat.”<sup>90</sup>

Menurut kebanyakan ulama tafsir, ayat itu diturunkan semasa Perang Badr dan mengandungi celaan terhadap para sahabat Nabi dari kalangan mu'min yang mengisytiharkan pengambilan *fidyah* atau *ghanimah*.<sup>91</sup>

Begitu juga dalam ayat: “Kalau Kami tidak memperkuat hatimu, nescaya kamu sedikit demi sedikit (*laqad kit-ta tarkanu*) cenderung kepada mereka.”<sup>92</sup>

Dalam persoalan ini, al-Razi berpendapat:

**Pertama** : Perkataan *kada* atau *kit-ta* bererti hampir-hampir. Ia bermaksud Nabi (s.a.w) hampir-hampir terlibat dalam perkara tersebut walaupun sebenarnya ia tidak berlaku.

**Kedua** : Perkataan *kada* membuktikan kewujudan 'ismah (pemeliharaan) yang menghalangi kebinasaan. Allah bertujuan menjelaskan pemeliharaan-Nya ke atas Nabi (s.a.w). Oleh itu, Nabi telah dibentengi daripada perbuatan itu.<sup>93</sup>

---

<sup>86</sup> Al-Qur'an, surah Yunus (10): 104.

<sup>87</sup> Al-Qur'an, surah al-Talaq (65): 1.

<sup>88</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.233; al-Tabarsi, *Majma' al-Bayan*, V, h.132.

<sup>89</sup> Qadi 'Iyad, *al-Syifa'*, II, h.233.

<sup>90</sup> Al-Qur'an, surah al-Anfal (8): 67.

<sup>91</sup> Al-Qurtubi, *Ahkam al-Qur'an*, IV, h.2884; al-Tabarsi, *Majma' al-Bayan*, IV, h.557.

<sup>92</sup> Al-Qur'an, surah al-Isra' (17): 74.

<sup>93</sup> Al-Nasafi, *Madarik al-Tanzil*, II, h.323.

Ketiga: Ancaman terhadap maksiat bukanlah bermaksud perbuatan itu telah dilakukan.<sup>94</sup> Dalilnya: "Seandainya dia (Muhammad) mengadakan sebahagian perkataan atas nama Kami, nescaya Kami benar-benar pegang dia pada tangan kanannya, kemudian benar-benar Kami potong urat jantungnya."<sup>95</sup>

Perkara tersebut sebenarnya tidak pernah terjadi kepada Nabi (s.a.w). Ibn 'Abbas mengatakan Nabi (s.a.w) terpelihara daripada dosa tetapi ayat ini sebenarnya ditujukan kepada umatnya supaya mereka tidak cenderung kepada golongan musyrik dalam menetapkan syari'ah Allah.<sup>96</sup>

Terdapat juga ayat al-Qur'an yang menganjurkan Nabi (s.a.w) memohon ampun, antaranya:"dan mohonlah ampunan untuk dosamu (*li-dhanbi-ka*),"<sup>97</sup> dan"supaya Allah memberikan ampunan kepadamu terhadap dosamu (*min dhanbi-ka*) yang terdahulu dan yang akan datang."<sup>98</sup>

Ayat tersebut tidak mengandungi dosa kerana Allah menggesa baginda berdoa dan beristighfar (mohon ampun) untuk mempertingkatkan kedudukannya, di samping menjadi suatu ketetapan kepada generasi berikutnya.<sup>99</sup> Dosa-dosa yang disandarkan kepada Nabi (s.a.w) berdasarkan hubungan baginda dengan umatnya, kerana baginda merupakan sebahagian daripada mereka.<sup>100</sup> Justeru itu, walaupun Nabi (s.a.w) tidak berdosa tetapi tanggungjawab itu diletakkan ke atas baginda semata-mata untuk membolehkan Allah mengampuni mereka bagi pihak Nabi (s.a.w).

Nabi (s.a.w) sendiri tidak pernah mengingkari perintah dan larangan Allah kerana ketaqwaan baginda kepada *Khaliq*-nya. Baginda mengakui hakikat tersebut menerusi kata-katanya:"Sesungguhnya aku takut azab hari yang besar (Qiyamat), jika aku menderhakai (*'asai-tu*) Tuhan-ku."<sup>101</sup>

Surah *al-Fath* hanya menyusul kemudian selepas surah *al-An'am* diturunkan oleh Allah.<sup>102</sup>

<sup>94</sup> Al-Razi, *Mafatih al-Ghayb*, XXI, h.21.

<sup>95</sup> Al-Qur'an, surah al-Haqqah (69): 46.

<sup>96</sup> Al-Qurtubi, *Ahkam al-Qur'an*, VI, h.3916.

<sup>97</sup> Al-Qur'an, surah al-Mu'min (40): 55.

<sup>98</sup> Al-Qur'an, surah al-Fath (48): 2.

<sup>99</sup> Al-Tabarsi, *Majma' al-Bayan*, VIII, h.568.

<sup>100</sup> *Ibid*, IX, h.110.

<sup>101</sup> Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 15.

<sup>102</sup> Al-Tabataba'i, *al-Mizan*, XVIII, h.295.



Lantaran itu, ia membuktikan bahawa pada zahirnya ayat berkenaan diturunkan kepada Nabi (s.a.w) sedangkan pada hakikatnya ditujukan kepada umatnya. Oleh kerana itu, kemaksuman Nabi Muhammad (s.a.w) tidak boleh dinafikan sama sekali.

### **Konklusi**

Kesimpulannya menunjukkan bahawa konsep '*ismah* para nabi dan rasul dari perspektif al-Qur'an memang terbukti dengan jelas. Al-Qur'an juga memperlihatkan bahawa Nabi Muhammad (s.a.w) sebagai Nabi dan Rasul pilihan Allah merupakan seorang yang *ma'sum* (terpelihara daripada dosa dan maksiat), bersesuaian dengan kedudukannya sebagai utusan Allah yang terbaik kepada umat manusia.

